BE STILL DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.

A SUGGESTED CLOSING HYMN:
O COME, O COME, EMMANUEL

1 O come, O come, Emmanuel,
and ransom captive Israel
that mourns in lonely exile here
until the Son of God appear.

Refrain:
**Rejoice! Rejoice! Emmanuel
shall come to you, O Israel.**

2 O come, O Wisdom from on high,
who ordered all things mightily;
to us the path of knowledge show
and teach us in her ways to go.

3 O come, O Branch of Jesse's tree,
free them from satan's tyranny,
that trust Your mighty power to save
And give them victory o'er the grave

4 O come, O Key of David, come
and open wide our heavenly home.
Make safe the way that leads on high
and close the path to misery

5 O come, O Desire of nations, bind
in one the hearts of all mankind.
O bid all our sad divisions cease
and be Yourself our King of Peace

Link: https://youtu.be/7xtpJ4Q_Q-4

PANDUAN DOA MINGGUAN



CAHAYA TELAH BERSINAR

"Tanah Zebulon, Tanah Naftali, di pinggir laut, seberang Sungai Yordan, Galilea, daerah bangsa-bangsa asing. Bangsa yang hidup dalam kegelapan telah melihat cahaya yang gemilang. Bagi mereka yang tinggal di negeri yang di bawah bayangan maut, cahaya telah bersinar!" – Matius 4:5-16 AVB

Musim Adven sudah tiba. Kita sekali lagi diingatkan untuk merayakan kelahiran Yesus, di mana Firman menjadi manusia dan hidup di kalangan manusia. Melalui kelahiran, kehidupan, kematian, dan kebangkitan Dia, Kristus telah menubuhkan kerajaan Allah di bumi, dan akan terus menubuhkannya melalui Gereja-Nya sehingga Dia kembali untuk kali ke-2.

Walaupun kebenaran tersebut seringkali dilupakan pada musim yang sibuk ini, Adven merupakan satu masa untuk merenungkan corak hidup kita dalam menubuhkan kerajaan Allah di bumi, di antara "sudah" dan "masih lagi", di antara kedatangan Kristus yang pertama dan kedua. Kita menyertai semua orang yang percaya dari dahulu hingga sekarang untuk mendoakan kedatangan ke-2 Kristus. Doa **"Amin. Datanglah, Tuhan Yesus"** Wahyu 22:20 sepautnya didoakan kita sepanjang musim ini.

Adven merupakan waktu di mana kita diingatkan bahawa Cahaya yang gemilang telah bersinar di dalam kegelapan, dan tiada kegelapan yang mampu memadamkan cahaya yang paling malap, apatah lagi "Cahaya Dunia". Rasul Yohanes telah menyatakan di dalam ^{AVB} **Yohanes 1:5**, "Dan cahaya itu bersinar dalam kegelapan, dan kegelapan tidak menguasainya." Kedatangan Kristus kali ke-2 akan melengkapi kerajaan Allah, menyiapkan kerja yang dimulakan oleh-Nya dengan memperbaharui segala ciptaan, dan memulihkan "*Shalom, Shalom*" yang sempurna, contohnya, kedamaian yang sempurna, kepada semua ciptaan.

Pada musim yang sibuk ini, kita juga harus mempraktikkan disiplin **mendiamkan diri**, dengan menyediakan jiwa kita untuk mengalami kehairanan kelahiran Immanuel. Kita juga harus menghayati ibarat seperti hamba yang setia dan bijaksana (Matius 24:45-51), di mana Tuhan Immanuel kita mengamanahkan kita agar sentiasa berjaga-jaga untuk menyambut kedatangan Tuan, Tuhan, dan Raja kita. Sikap bersiap sedia itu merupakan cabaran untuk umat Kristian zaman ini, di tengah-tengah situasi yang huru-hara dan tidak tentu hala. Kita tidak melupakan seruan Juruselamat kita yang akan kembali sekali lagi dalam kemenangan dan kemuliaan. Marilah kita bersukacita, "*kerana dahulu kamu gelap tetapi sekarang sudah menjadi cahaya dalam Tuhan. Hiduplah sebagai anak-anak cahaya.*" Efesus 5:8 AVB

Terima kasih kerana memakai panduan doa ini yang bermula sewaktu PKP bermula pada Mac 18, 2020. Pada hari ini, panduan doa tersebut terus mengalakkkan umat Allah untuk terus **berdoa tanpa henti**, dalam kesyukuran, bersekutu dalam doa untuk mengalu-alukan kedatangan kerajaan Allah dan kehendak Allah terjadi pada zaman ini. **Panduan doa ini juga dipakai oleh ahli-ahli jaringan Prayer United.**

Anda dijemput untuk **P-R-A-Y**, iaitu, ***Pause*** (Berhenti sejenak) dan berdiam, ***Rejoice*** (Bersukacita) dengan Mazmur dan ***Reflect*** (Merenung) atas Alkitab. ***Ask*** (Minta) dalam doa syafaat agar Allah bekerja, dan ***Yield*** (Serahkan) kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.

FOKUS BULAN INI

Pilihan Raya Negeri Sarawak

Calon yang berintegriti dan pilihan raya negeri yang aman & selamat

Pandemik Covid-19

Tingkatkan kewaspadaan terhadap varian Omicron Covid-19 baru

Gereja Teraniaya

Kekuatan untuk bertahan dan menyebar Injil dengan berani

Menemui Kristus

Doakan 5 orang untuk bertemu dengan Kristus

PAUSE BERDIAM, Diamkan diri secara sengaja - Tarik nafas yang dalam, dan alu-alukan hadirat Roh Kudus.

BACA DAN RENUNGKAN Yesaya 9:1-7

DOA PERTAUBATAN

Bapa Syurgawi, tiada sesiapapun yang tahu waktu Tuhan Yesus kita akan kembali kecuali Engkau. Tuhan Yesus kita telah mengarahkan kita untuk peka terhadap tanda-tanda agar kita bersiap sedia dan berwaspada senantiasa.

Ampuni kita setiap kali kita mencontohi sikap hamba yang zalim di dalam ibarat Matius 24:45-51 yang berkata, “*Tuan akan pulang lambat.*” Ampuni kita sewaktu kita tidak mementingkan urusan Tuan kita, dan “*menganggap bahawa terdapat hari esok, peluang lain...dan tidak berfikir bahawa inilah harinya.*”

Ampuni kita sewaktu kita tidak mengasihi orang lain dan menganiayai hamba Tuhan yang lain. Ampuni kita sewaktu perhatian kita beralih kepada hal dunia dan lupa akan melayani Tuan kita dengan sepenuh hati selama Dia masih belum kembali.

Firman-Mu menyatakan jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan. ¹ Yohanes 1:9 Kita bertaubat daripada ketidaksediaan kita sebagai murid Kristus yang setia, dan minta agar Engkau pulihkan hubungan kita dengan Engkau. Di dalam nama Tuhan Yesus Kristus kita berdoa, AMIN.

REJOICE PENYEMBAHAN

PUJIAN DAN KESYUKURAN

Abba Bapa, kita telah melihat belas kasihan dan rahmat-Mu dicurahkan atas Galilea, daerah bangsa-bangsa asing, bangsa di mana mereka pernah dipandang rendah oleh orang Israel; akan menerima berkat istimewa untuk menjadi saksi kepada cahaya Mesias, kerana Cahaya Dunia telah muncul.


Kita memuji Engkau kerana memenuhi nubuat tersebut melalui kelahiran Mesias, di mana kita merayakan Firman menjadi manusia dan hidup di kalangan kita, untuk menyelamatkan kita daripada dosa dan maut. Kita memuji Engkau kerana Engkaulah Immanuel, Allah menyertai kita ^{Yesaya 7:14} Kita bersukacita dalam pimpinan Roh Kudus melalui setiap patah perkataan! Yesus, Mesias kita, adalah Allah dan manusia.

Kita memuji dan memuliakan Engkau, ya Allah yang perkasa untuk selama-lamanya, kerana Tuhan Yesus Kristus kita dan juga Penasihat Ajaib kita akan memerintah sebagai Raja segala Raja dan Tuhan segala tuhan. Kita rindu akan penubuhan kerajaan-Mu yang mutlak. Kita rindu melihat kerajaan-Mu berada di atas bahu-Nya yang adil dan benar. Semoga Kerajaan-Mu serta kedamaian dan kesejahteraan tiada penghabisannya! AMIN dan AMIN!

ASK BERMINTA Pakailah perkataan sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – **dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan** (*Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini.*)

“Tanah Zebulon, Tanah Naftali, di pinggir laut, seberang Sungai Yordan, Galilea, daerah bangsa-bangsa asing. Bangsa yang hidup dalam kegelapan telah melihat cahaya yang gemilang. Bagi mereka yang tinggal di negeri yang di bawah bayangan maut, cahaya telah bersinar!”

Matius 4:5-16 AVB



LAGU CADANGAN: AKU MENGASIHI ENGKAU YESUS

Aku mengasihi Engkau Yesus
Dengan segenap hatiku
Aku mengasihi Engkau Yesus
Dengan segenap jiwaku

Kurenangkan firmanMu
Siang dan malam
Kupegang perintahMu
Dan kulakukan

Engkau tahu ya Tuhan
Tujuan hidupku
Hanyalah untuk
Menyenangkan hatiMu

Pautan:
<https://www.youtube.com/watch?v=vy7tM1sHQ7q>

DOA SYAFAAT

1. PENYELAMATAN DARIPADA PANDEMIK DAN PEMULIHAN SISTEM KESIHATAN YANG TENAT

- a. Perlindungan daripada Gelombang Pandemik yang Ke-4.** Doakan rancangan kesihatan awam yang lengkap akan diterajui memandangkan ancaman daripada varian Omicron Covid-19 yang nampaknya lebih senang berjangkit berbanding dengan varian Delta. Marilah kita terus berdoa untuk rancangan kawalan pergerakan dan sekatan sosial, agar pihak awam akan bijaksana dan mengamalkan kawalan kendiri untuk mengelakkan jumlah jangkitan baru yang mendadak;
- b. Reformasi di dalam Sistem Kesihatan dan Keadilan untuk Doktor Kontrak.** Doakan agar langkah-langkah yang berkesan atas dasar-dasar dan prinsip-prinsip yang diperlukan untuk mengubah sistem kesihatan akan dilaksanakan. Doakan agar doktor kontrak akan dilayan secara adil dan saksama dan pastikan peruntukan belanjawan cukup untuk pembiayaan bagi hospital awam yang sangat memerlukan pembaikan dan peningkatan;
- c. Pemantauan dan Kewaspadaan Usaha Pemvaksinandi Kalangan Belia.** Doakan rancangan untuk memvaksinkan kanak-kanak di antara umur 5-11 pada tahun 2022 sedangkan kerajaan memperoleh bekalan vaksin yang mencukupi. Memandangkan sekolah-sekolah sedang membuka secara berperingkat, doakan agar ibubapa akan berwaspada untuk melindungi anak-anak mereka dan memastikan bahawa mereka menerima vaksin. Doakan agar semua guru akan menerima vaksin juga;
- d. Keadilan dalam pengagihan vaksin kepada golongan yang terjejas.** Terus doakan semua golongan yang terjejas, termasuk pekerja asing, dan pelarian yang tidak sah, akan tetap menerima vaksin. Doakan mereka yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang yang tidak mampu dikuarantinkan ataupun terlantar di hospital untuk jangkamasa yang panjang kerana ini akan menjelaskan periuk nasi mereka, agar mereka akan menerima sokongan yang sewajarnya;
- e. Mengatasi “Pandemik Kesihatan Mental”.** Doakan kehendak politik dan sosial untuk menangani isu ini dengan segera serta menghapuskan stigma dan diskriminasi terhadap penyakit mental yang menyebabkan orang menangguhkan rawatan. Doa agar setiap orang mempunyai rakan-rakan dan ahli keluarga yang memberi sokongan dan menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang memerlukan penjagaan kesihatan mental yang lebih rapi, di mana pandemik coronavirus ini telah menyebabkan peningkatan jumlah kes bunuh diri;
- f. Perlindungan atas perkahwinan dan institusi keluarga, dan kanak-kanak yang menjadi yatim piatu oleh kerana Covid-19.** Kesan pandemik Covid-19 atas kanak-kanak memang mendalam dan luas pada waktu depan. Marilah kita serahkan institusi keluarga kepada Allah dalam doa, kerana kadar penceraian yang tinggi sepanjang pandemik ini. Doakan agar keluarga angkat akan tampil memberi suasana yang selamat dan penuh kasih untuk membesarluan kanak-kanak yang terkesan, agar mereka tidak akan ditempatkan di rumah kebajikan kanak-kanak. Doakan agar mereka menerima sokongan dan penjagaan yang sewajarnya daripada komuniti di sekeliling;
- g. Pemulihan sektor pekerjaan dan perniagaan.** Terus berdoa agar kadar pengangguran akan menurun, dan sektor perniagaan akan pulih. Doakan sokongan komuniti, dorongan, kemurahan hati, dan ketabahan untuk mereka yang memerlukannya.

2. PEMULIHAN NEGARA

- a. Pilihanraya Negeri Sarawak.** Suruhanjaya Pilihan Raya telah menetapkan 18 Disember sebagai Hari Membuang Undi untuk PRN-12 Sarawak. Hari Pencalonan akan jatuh pada 6 Disember, sementara Disember 14 merupakan hari membuang undi awal. Doakan agar PRN-12 Sarawak tidak mencetuskan perebakan jangkitan varian Omicron Covid-19 yang jauh lebih senang berjangkit berbanding dengan varian Delta. Sekali lagi, doakan juga agar Allah akan membangkit generasi ahli politik yang beramanah dan sedia berkhidmat demi kemakmuran rakyat Sarawak, serta memastikan agar hak-hak Orang Asal dipertahankan;
- b. Persidangan Parlimen.** Terus doakan Persidangan Parlimen yang sedang berlangsung dari 25 Oktober ke 16 Disember selama 32 hari. Doakan agar solusi jangkamasa panjang akan dilaksanakan tanpa mengambil sebarang jalan pintas untuk memperkuuhkan negara ini, termasuk isu-isu MA63;

- c. Pentadbiran Kerajaan Yang Berjaya.** Doakan agar kehendak Allah dan rancangan-Nya akan berlaku melalui Kabinet baru ini. Doakan agar Allah akan menubuhkan pentadbiran kerajaan baru dengan penuh kebijaksanaan dan keberhasilan, bermula dengan kecekapan, keberkesanan, dan keamanahan. Doakan tema “*Keluarga Malaysia*” oleh Perdana Menteri akan berjaya memulihkan Malaysia bukan sekadar slogan sahaja ataupun untuk kemajuan bangsa yang tertentu sahaja; tetapi keadilan, keamanan, dan kebaikan boleh ditubuhkan di seluruh negara. Kita doakan agar kehendak Allah dan kerajaan-Nya akan terjadi di Malaysia;
- d. Penyucian sistem politik yang sudah tenat.** Doakan penyucian suasana rohani di Malaysia dalam nama Yesus yang berkuasa, kerana Dia adalah “matahari yang penuh perbenaran akan terbit dengan membawa kesembuhan pada sayapnya.” Hanya Dia yang boleh mengatasi kuasa-kuasa jahat dan membawa terang, harapan dan kesejahteraan *SHALOM* kepada Malaysia [Kolose 2:15]. Nyatakan kemenangan atas setiap rancangan politik yang jahat dan memecah-belahkan keharmonian negara ini, di mana kemerosotan di negara kita akan ditangani, agar kesemua ini akan terbongkar dan dihapuskan, terutamanya mereka yang sentiasa merancang untuk mengelakkan diri daripada dakwaan mahkamah atas kes-kes rasuah. Marilah kita terus tekun berdoa agar kuasa dan kewibawaan Kristus akan menghancurkan kuasa jahat di merata tempat, di kampung maupun di bandar, serta menumbangkan sumber kuasa kebencian dan kejahatan di Malaysia;
- e. Mengatasi gejala rasuah dan politik kewangan sebelum PRU15 diadakan.** Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) dijangka berlaku pada pertengahan tahun 2023. Namun demikian, memandangkan ketidakstabilan politik yang berlaku serta jawatan Perdana Menteri dan parti pemerintah yang telah menukar tangan 3 kali, doakan keamanan untuk menyelubungi Malaysia, oleh sebab politik yang memecah-belahkan rakyat semakin rancak. Tekun berdoa agar Allah akan membangkitkan generasi pemimpin yang baru, calon-calon yang beramanah serta bijaksana. Doakan pucuk kepimpinan ahli politik yang matang dan sanggup bekerjasama demi kebaikan semua rakyat dengan penuh keikhlasan, dan bukan semata-mata untuk merebut kuasa ataupun mengutamakan kepentingan diri sendiri, agar kita dapat menjadi sebuah negara yang cemerlang dan bukan pentadbiran yang gagal;
- f. Penghapusan Gejala Rasuah dan Kerosakan Akhlak.** Doakan agar pendedahan atas gejala rasuah akan disiasat dengan sepenuhnya agar keadilan dan kebenaran akan menang. Tekun berdoa agar kerosakan nilai-nilai masyarakat akan dibendung. Doakan kehendak politik untuk menghapuskan gejala rasuah di kalangan penguatkuasa seperti imigresen, tentera, dan polis, yang bersalah kerana berganding bahu dengan para penjenayah dalam hal perdagangan manusia. Kita doakan agar Allah di dalam belas kasihan-Nya **dapat memulihkan** semua nilai-nilai murni yang telah dirosakkan selama ini. Doakan semangat keberanian yang berterusan serta penghiburan untuk mereka yang menghadap tekanan, penganiayaan dan ancaman oleh kerana bersuara menentang gejala rasuah;
- g. Pembaharuan Sistem Pendidikan.** Doakan agar lebih ramai orang secara ikhlas menyeru panggilan untuk menjadi guru dan bekerja di sektor pendidikan untuk membina bangsa yang berkemampuan, maju, dan sedia menghadap cabaran masa depan. Doakan agar guru-guru akan dipilih secara adil mengikut kebolehan masing-masing, dan bukan kerana agama dan bangsa mereka. Doakan agar Kementerian Pendidikan akan menumpukan perhatian atas agenda membina negara, dan tidak menyalahgunakan kuasa mereka untuk memajukan agenda ideologi agama dan politik;
- h. Mempertahankan Hak Asasi dan Kebebasan Manusia.** Doakan agar ahli perniagaan akan melayan pekerja asing mereka dengan sewajarnya dan baik, sambil memperbaiki taraf tempat bekerja. Kita doakan perlindungan, kebenaran, dan keadilan untuk NGO-NGO dan aktivis yang mempertahankan hak asasi manusia untuk golongan yang tertindas dan senang terjejas, agar mereka diperkuatkan sewaktu berjuang untuk kebenaran dan keadilan;



3. GEREJA

- a. Menjadi saksi melalui perpaduan kita dan kasih sesama sendiri.** Doakan agar gereja akan mempunyai kewibawaan sewaktu mengisyiharkan penyembuhan, menjadi “terang dan garam Yesus” melalui kesaksian perpaduan kita dalam Roh dan kasih sesama sendiri. Doa untuk kerendahan hati yang tulus dan ikhlas, kebaikan, perbuatan baik, dan penampilan yang lemah-lembut sesama sendiri;
- b. Melangkah dalam iman dan melayan masyarakat.** Doakan sikap yang sentiasa sedia serta kebijaksanaan untuk melayan masyarakat memandangkan kemungkinan besar gelombang ke-4 akan berlaku. Doakan agar kita akan mencontohi tokoh iman pada zaman gereja awal, di mana mereka melayani masyarakat yang terkesan dengan penuh kasih untuk mereka yang ditimpa wabak dahulu tanpa mementingkan diri sendiri, dengan penuh kemurahan hati. Doakan daya ketahanan dan pelayanan yang setia untuk memenuhi keperluan mereka yang mungkin dijangkiti dalam gelombang ke-4. Doakan untuk gereja menjangkau jiwa-jiwa di sekeliling, terutamanya golongan yang terkesan dari segi pendapatan serta kanak-kanak yang telah kehilangan ibubapa mereka;
- c. Persiapan untuk Sebarang Kemungkinan.** Sedangkan gereja berusaha untuk membuka pintu mereka dan memulakan ibadahraya fizikal, doakan agar pemimpin gereja dan pekerja gereja akan dikurniakan hikmat, pengetahuan, dan kepekaan untuk bersedia menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang memandangkan kemungkinan besar gelombang ke-4 akan berlaku. Doakan agar pemimpin kita akan peka untuk bertindak secepat mungkin selagi kita membawa terang Allah kepada dunia;
- d. Kebajikan lapisan pemimpin gereja.** Dukung baris hadapan kita dalam doa - pastor-pastor, paderi, gembala, dan pekerja gereja – oleh kerana panggilan dan pelayanan mereka. Agar kita akan berjaga-jaga sebagai komuniti gereja dengan menjaga disiplin kita sambil berwaspada untuk mengurangkan pendedahan kita kepada jangkitan baru;
- e. Gereja yang Berdoa dan Mengutus.** Marilah kita berdoa agar setiap gereja akan menjadi rumah doa bagi semua bangsa, mengikut kehendak Tuhan kita, “Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa bagi semua bangsa” [Markus 11:17]. Doakan agar hati kita akan berkobar-kobar sekali lagi untuk memberitakan Injil kepada setiap bangsa – “hingga ke akhir zaman”.

4. DOA UNTUK MEREKA YANG SESAT


- a. Doa-untuk-5 keluarga, rakan sekerja, dan kawan-kawan,** agar mereka mengenali Yesus Kristus dan kasih-Nya dan menerima penyelamatan. Tuliskan nama dan doakan mereka setiap hari tanpa berputus asa, tanpa mengambil kira betapa lamanya anda perlu menunggu untuk melihat mereka diselamatkan!
- b. Kasih dan belas kasihan.** Doa supaya kita mempunyai kasih dan belas kasihan dan peka terhadap peluang untuk berdoa dan menolong mereka yang sesat dan sakit, menolong mereka melalui perbuatan dan kata-kata yang mendorongkan. Doakan peluang daripada Allah untuk membawa pemulihan serta kesembuhan, agar mereka akan secara suka cita menerima Yesus sebagai Juruselamat Peribadi mereka;
- c. Peluang untuk kongsikan Injil.** Doakan agar Roh Kudus memberi anda peluang untuk menyebarkan Injil kepada sesiapa yang bersedia menerimanya di tengah-tengah krisis pandemik ini; agar kita tidak akan malu oleh kerana Kristus, tetapi bersedia untuk mengisyiharkan Dia pada setiap waktu dengan iman yang kukuh. Doakan pada musim ini yang sangat mencabar agar Allah dapat memakai kita sebagai bejana-Nya untuk memberkati ramai orang, kerana alangkah indahnya melihat kaki mereka yang membawa Berita Baik! Mintalah kekuatan dan keberanian daripada Allah dalam melakukan demikian walaupun kita tidak berasa selesa dan tidak berasa tawar hati;
- d. Berhadapan dengan Urusan yang belum selesai.** Sebagai murid Kristus, Tuhan Yesus Kristus kita telah memberi kepada kita amanat-Nya agar kita menjadi saksi-Nya ke seluruh dunia, dan telah memperkasakan kita dengan Roh Kudus-Nya pada Hari Pentakosta untuk melengkapkan urusan ini.



Pada hari ini, marilah kita berdoa agar Dia akan memberi kita semangat baru yang berkobar-kobar untuk memenuhi Amanat Agung kerana urusan kita masih belum selesai. Semoga Tuhan kita menjamah kita sekali lagi sebagaimana Dia melakukan sedemikian di dalam bilik doa pertama di Yerusalem, mendorong kita untuk keluar dan kongsikan Berita Baik dengan semangat yang baru.

5. MENGINGATI GOLONGAN YANG TERANIAYA, YANG TERPAKSA MEMINDAH, DAN YANG HILANG.

- a. Bangladesh.** Mengikut *Senarai World Watch 2021* dari *Open Doors*, Bangladesh menduduki tangga ke-31 sebagai negara yang paling teruk menganiaya umat Kristian. Kadar penganiayaan yang disokong oleh pentadbiran berlandaskan Muslim semakin meningkat dan menekan umat Kristian di Bangladesh. Doakan gereja di Bangladesh akan tetap setia dan berdiri teguh. Doakan terdapat keberhasilan dalam pelayanan menyediakan latihan teoloji untuk pelbagai suku, agar pemimpin mereka dilengkapi untuk melayan dan menguatkan dombadomba mereka. Terus doakan pelayanan di kalangan kaum ibu agar mereka akan tetap kuat dan berani untuk membawa Berita Baik kepada kawan-kawan dan keluarga mereka. Doakan agar umat Kristian Rohingya yang telah meninggalkan Myanmar dan sekarang tinggal di kem pelarian, agar mereka akan mempunyai kekuatan untuk tetap setia kepada Yesus walaupun ramai antara mereka tidak diberi sebarang bantuan.



- b. Krisis Kemanusiaan di Sempadan Belarus-Poland.** Kita berterima kasih bahawa situasi di sempadan Belarus-Poland telah reda dan pendatang dari Timur Tengah tidak lagi diambil kesempatan. Kita terus berdoa agar ramai antara mereka dapat pulang dengan selamat;

- c. Pastor-pastor dan Aktivis Malaysia yang hilang.** Marilah kita terus berdoa untuk para pastor yang diculik - *Raymond Koh, Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu* – agar mereka dapat dijumpa, dan keadilan akan diberi. Doakan juga untuk aktivis Melayu, *Amri Che Mat*, agar dia dapat dicari dan dibebaskan. Doakan penghiburan dan kekuatan untuk keluarga mereka masing-masing, sedangkan mereka mencari kebenaran. Doakan pasukan peguam mereka agar diberi kebijaksanaan dalam mengendalikan situasi ini, selama mereka berjuang untuk keadilan atas pihak keluarga-keluarga tersebut.

6. DOA SPONTAN

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebankan hati anda sekarang.

YIELD MENYERAH DIRI

Marilah kita dengan sepenuh hati serahkan kehidupan kita kepada kehendak Bapa Syurgawi, agar di mana kita ditempatkan, kita akan menjadi berkat kepada setiap jiwa.

DOA PENUTUP MENYATAKAN DATANGNYA KERAJAAN-NYA – DOA BAPA KAMI *Matius 6:9-13 AVB*

"Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga. Berilah kami makanan untuk hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami

CADANGAN LAGU PENUTUP: **O DATANGLAH IMANUEL**

O, datanglah, Imanuel, tebus umatMu Israel yang dalam berkeluh kesah menantikan Penolongnya. Bersoraklah hai Israel, menyambut Sang Imanuel!

O, datang, Tunas Isai, patahkan belenggu pedih dan umatMu lepaskanlah dari lembah sengsaranya. Bersoraklah hai Israel, menyambut Sang Imanuel!

O Surya Pagi, datanglah dan jiwa kami hiburlah; halaukanlah gelap seram bayangan maut yang kejam. Bersoraklah hai Israel, menyambut Sang Imanuel!

O Kunci Daud, datanglah, gapura sorga bukalah; tutuplah jalan seteru, supaya s'lamat umatMu. Bersoraklah, hai Israel, menyambut Sang Imanuel.

O Tuhan Allah, datanglah, FirmanMu berkuasalah, seperti waktu Kauberi di atas puncak Sinai. Bersoraklah, hai Israel, menyambut Sang Imanuel.

Pautan:

<https://www.youtube.com/watch?v=riyWXIK6IVq>

mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN.

NYATAKAN BERSAMA-SAMA

“Dan cahaya itu bersinar dalam kegelapan, dan kegelapan tidak menguasainya.” *Yohanes 1:5 AVB*

“Kepada Allah yang berkuasa melakukan segala-galanya dengan limpah kurnia melebihi permintaan dan sangkaan kita, menurut kuasa-Nya yang bertindak dalam diri kita, kepada-Nya kemuliaan dalam jemaah dan dalam Kristus Yesus zaman-berzaman selama-lamanya! Amin.” *Efesus 3:20-21 AVB*

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.